

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 07 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10308

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tempoh untuk meluluskan permohonan kewarganegaraan Malaysia. Apabila satu permohonan tidak diluluskan, mengapa alasan tidak dikemukakan kepada pemohon supaya pemohon tidak mengulangi masalah yang sama.

85

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya kepada mana-mana individu bertaraf Bukan Warganegara. Setiap pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Tiada suatu tempoh ditetapkan bagi memproses, menimbang dan seterusnya membuat keputusan terhadap sesuatu permohonan kewarganegaraan. Penolakan permohonan kewarganegaraan tidak dimaklumkan kepada pemohon atas tujuan kerahsiaan maklumat.

SOALAN (40)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 NOVEMBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]

SOALAN :-

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk membentangkan laporan keberkesanan (impact assessment) 'Malaysian Indian Blueprint' (MIB) di Parlimen. Berapakah jumlah warga India (stateless Indians) yang telah memohon status kewarganegaraan sejak MIB dilancarkan dan berapakah jumlah yang telah diluluskan.

87

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) pada 23 April 2017. Sebanyak 34 sasaran telah dikenalpasti untuk dicapai dalam masa 10 tahun. Unit Khas Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) telah menetapkan 9 sasaran untuk dicapai pada tahun 2017/2018. SEDIC kini dalam proses melaksanakan kajian impak ke atas program-program yang telah dilaksanakan oleh SEDIC pada tahun-tahun lalu dengan kerjasama IPTA/IPTS.

Sebanyak empat IPTA dan satu IPTS telah dijemput untuk membentangkan cadangan kajian impak yang akan dilaksanakan. Pembentangan telah diadakan pada 3 Oktober yang lalu dan buat masa ini pihak panel penilai sedang dalam proses memuktamadkan keputusan untuk memilih IPTA atau IPTS yang berjaya.

SEDIC dengan kerjasama Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (SITF) dan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara telah melancarkan kempen Mega MyDaftar

2017 di 23 lokasi seluruh negara pada bulan Jun 2017. Seramai 2,487 orang telah mendaftar mengikut kategori Kewarganegaraan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran dan kes-kes lain. Tindakan susulan ke atas 446 kes permohonan sedang diambil. Manakala baki 2,041 permohonan masih dalam peringkat pemprosesan di Jabatan Pendaftaran Negara.

SEDIC sentiasa memantau perkembangan setiap kes dan mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikannya.

Sekian, terima kasih.

7 November 2017